

Bahasa Melayu kaya perbendaharaan



Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@bharian.com.my

WACANA Islamisasi Ilmu Pengetahuan Semasa: Sejarah dan Perkembangannya menyorot kebijaksanaan yang berlaku dalam sejarah bahasa Melayu berdasarkan kekayaan dalam perbendaharaan bahasanya yang memberi pelbagai istilah dalam konteks terma penting dalam agama.

Selain itu, wacana di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, baru-baru ini, turut menegaskan penggunaan nama berbeza bagi terma hampir sama dalam agama berlainan seperti ketua agama dan tempat ibadat, berjaya mengelakkan kekeliruan dan ketegangan yang mungkin timbul ekoran silap faham agama.

Felo Penyelidik Utama ATMA, Prof Dr Wan Mohd Nor Wan Daud, berkata bahasa Melayu yang mempunyai kekayaan dalam perbendaharaan bahasa, mengiktiraf terma penting dalam agama selain daripada Islam, sekali gus dapat memadamkan kekeliruan antara penganutnya.

"Contohnya terma ketua atau pemimpin agama dalam agama lain, berbeza daripada istilah imam dalam pengerti-

an Islam, iaitu kata pinjaman yang diambil daripada bahasa Arab. Bagi agama Kristian, pemimpin agama mereka disebut paderi iaitu istilah daripada bahasa Latin dan Inggeris, manakala Buddha pula menggunakan sami atau tokcai dalam loghat Kelantan," katanya pada wacana yang dipengerusikan Felo Penyelidik ATMA, Dr Khalif Muammar A Harris.

Begitu juga penggunaan nama tempat ibadat, setiap agama menggunakan istilah yang berbeza, iaitu masjid bagi Islam; kuil (Hindu dan Buddha) serta gereja (Kristian), bukan saja dapat mengelakkan kekeliruan daripada tercetus dalam penggunaan istilah, bahkan memperlihatkan toleransi berprinsip dan kasih sayang yang beradab.

"Sekiranya istilah penting dalam agama diberikan nama sama, ia boleh mencetuskan kekeliruan dan ketegangan yang memungkinkan pertumpahan darah sehingga menyebabkan orang Melayu membenarkan penganut agama lain untuk mencipta istilah sendiri," katanya pada wacana yang turut dihadiri Felo Penyelidik Utama ATMA, Prof Dr Ding Choo Ming dan Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar), Fakulti Pengajian Islam UKM, Prof Dr Idris Zakaria.



“Contohnya terma ketua atau pemimpin agama dalam agama lain, berbeza daripada istilah imam dalam pengertian Islam, iaitu kata pinjaman yang diambil daripada bahasa Arab. Bagi agama Kristian, pemimpin agama mereka disebut paderi, istilah daripada bahasa Latin dan Inggeris, manakala Buddha menggunakan sami atau tokcai dalam loghat Kelantan”

Prof Dr Wan Mohd Nor Wan Daud
Felo Penyelidik Utama ATMA

Prof Wan Mohd Nor menyorot kekayaan dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu dalam konteks kepelbagaian terma penting dalam agama ketika membincangkan Islamisasi dalam konteks ilmu yang mengislamkan makna pada konsep penting dalam agama.

"Contohnya orang Arab Jahiliah mempunyai konsepsi terhadap makna Allah sehingga orang Kristian menggunakan Allah pada Tuhan mereka, orang Arab moden tidak terkeliru kerana dalam sejarah bahasa Arab, nama itu sudah pun wujud sebelum Islam.

"Cuma makna pada pemahaman mereka adalah keliru kerana menganggap Allah itu jauh yang memerlukan peran-

taraan sehingga mewujudkan berhalah untuk menghubungkannya dengan manusia, lalu al-Quran mengislamkan makna itu dan berlakulah Islamisasi pada konsep Allah," katanya.

Bagaimanapun, makna Allah dalam bahasa Melayu hanya datang dengan Islam saja, sekali gus menyebabkan Prof Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas dan pengikutnya tidak bersetuju untuk memberikan nama itu selain daripada makna yang ditentukan dalam Islam.

"Sepanjang sejarah bahasa Melayu, nama Allah hanya difahami dalam satu makna, iaitu seperti yang diketahui orang Islam dan sekiranya nama Allah diberikan makna lain dalam bahasa Melayu,

maka ia menjadi proses deislamisasi," katanya.

Ketika menjawab penolakan sesetengah pihak yang menganggap Islamisasi tidak pernah berlaku dalam sejarah Islam dan tuduhan ia adalah bidaah, Prof Wan Mohd Nor berkata, Islamisasi ilmu pengetahuan bermula dengan turunnya ayat al-Quran pertama yang menegaskan Allah mengajar apa yang tidak diketahui.

"Ia suatu kenyataan pengislaman ilmu yang cukup asas kerana sumber ilmu dalam pandangan alam orang Arab Jahiliah dicapai dengan pengalaman sendiri dan bantuan pemimpin masyarakat seperti yang turut dianuti sebahagian masyarakat moden yang menolak Tuhan

“Antara cabaran untuk kembali ke akar tunjang intelektual dan peradaban serta meneruskan Islamisasi dalam konteks pengislaman ilmu pengetahuan ialah wujudnya kelompok baru daripada aliran Usuluddin di samping Falsafah dengan metodologi liberal, jauh terasing daripada yang sudah diterima dan diuji zaman”

Prof Dr Idris Zakaria

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar), Fakulti Pengajian Islam UKM

Hakikat ini dapat dilihat melalui pelbagai istilah konteks terma penting dalam agama

sebagai sumber ilmu.

"Ayat pertama itu mengubah segala-galanya apabila menegaskan manusia diciptakan oleh Allah dan diberikan ilmu oleh Pencipta sehingga manusia di dunia tidak bersifat eksistensial yang mencari kebenaran secara sendiri, sebaliknya mereka diberikan kebenaran melalui nabi, akal dan pancaindera," katanya.

Meskipun istilah Islamisasi belum wujud ketika itu, beliau berkata, pengislaman sudah pun berlaku kerana dalam sejarah idea, penamaan sesuatu realiti sejarah dalam konteks pemikiran, politik dan ekonomi, biasa datang selepas realiti terbabit berlaku dan berdepan dalam masyarakat.

"Contohnya dalam bidang ilmu Usul Fiqh, semua orang tahu tokoh seperti Imam as-Syafie dan Imam Malik membina sistem pemikiran Usul Fiqh secara ilmiah, kira-kira 200 tahun selepas kewafatan Rasulullah tetapi pengamalan hukum fiqh sudah tentu berlaku sejak awal lagi, iaitu zaman Rasulullah sendiri.

"Cuma Rasulullah dan sahabat bukan sarjana atau penulis kitab, sebaliknya pengamal sehinggalah ulama terkemudian membina pensisteman dalam bentuk ilmu yang menjadi asas hukum-hakam dalam Islam," katanya.



ff *Wacana Islamisasi ilmu pengetahuan gagasan Prof Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas secara sistematik ialah gagasan besar yang memerlukan penguasaan disiplin ilmu Islam dan ilmu pengetahuan semasa yang mendalam, sekali gus menjadikan wacana ini penting dalam konteks semasa"*

Muhammad Zarif Hassan @ Zulkefli

Tutor Jabatan
Pendidikan Bahasa Dan
Kemanusiaan, UPM